



24 Oktober 2012
24 October 2012
P.U. (A) 345

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN PERNIAGAAN PERKHIDMATAN WANG (DANA MODAL MIMUMINUM) (PINDAAN) 2012

*MONEY SERVICES BUSINESS (MINIMUM CAPITAL FUNDS)
(AMENDMENT) REGULATIONS 2012*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PERNIAGAAN PERKHIDMATAN WANG 2011

**PERATURAN-PERATURAN PERNIAGAAN PERKHIDMATAN WANG
(DANA MODAL MINIMUM) (PINDAAN) 2012**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 22(1) Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang 2011 [Akta 731], Menteri, atas syor Bank, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Perniagaan Perkhidmatan Wang (Dana Modal Minimum) (Pindaan) 2012.**

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 25 Oktober 2012.

Pindaan peraturan 2

2. Peraturan-Peraturan Perniagaan Perkhidmatan Wang (Dana Modal Minimum) 2011 [P.U. (A) 392/2011] yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dalam peraturan 2 dengan memotong takrif “nilai perolehan tahunan”.

Pindaan Jadual

3. Jadual kepada Peraturan-Peraturan ibu dipinda berkenaan dengan Golongan B atau C, dengan menggantikan butir-butir dalam ruang “Kriteria” dan ruang “Dana modal minimum (RM)” dengan butir-butir yang berikut:

“

<i>Golongan</i>	<i>Kriteria</i>	<i>Dana modal minimum (RM)</i>
B atau C	Pemegang lesen menjalankan perniagaan pengurusan wang atau perniagaan pengiriman wang dengan lebih daripada lima pejabat cawangan.	2,000,000